

FUNGSI ILUSTRASI DALAM MEMBENTUK
PERKEMBANGAN MENTAL KANAK - KANAK
MELALUI BAHAN BACAAN

MOHD HATTA BIN BAJURI
89706947

DIPLOMA IN GRAPHIC DESIGN
KAJIAN SENILUKIS & SENIREKA
INSTITUT TEKNOLOGI MARA,
40450, SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN.

1993 / 94

KANDUNGAN

PENDAHULUAN

PENGENALAN

Bab 1 : Apa itu ilustrasi ? Definisi...

Jenis-jenis Ilustrasi dan peranannya terhadap teks

Bab 2 : Definisi bahan bacaan dan klasifikasinya

: Jenis bahan bacaan pendidikan kanak-kanak.

: Bahan bacaan dahulu dan sekarang

Bab 3 : Ilustrasi dalam bahan bacaan pendidikan kanak-kanak

: Teknik penyampaian ilustrasi

: Proses ilustrasi - Penggunaan warna dalam ilustrasi kanak-kanak

: Teknik membuat ilustrasi

Bab 4 : Ilustrasi membentuk perkembangan mental kanak-kanak menerusi penerapan

nilai-nilai Islam dalam ilustrasi pendidikan kanak-kanak

Bab 5 : Ilustrasi ke arah wawasan yang dinamis

KESIMPULAN

BIBLIOGRAFI

PENDAHULUAN

Ketinggian taraf sesuatu negara itu terletak bukan sahaja pada pencapaian hasil usaha dan tekniknya tetapi juga kekayaan kebudayaan, adat resam, budu pekerti dan kesenian. Apabila membicarakan tentang seni, secara tidak langsung kita akan bertanya apakah itu seni dan bagaimanakah rupa seni itu. Sebenarnya seni adalah merupakan suatu yang amat indah dan halus serta tersembunyi di mana ianya merupakan satu anugerah Tuhan kepada makhluknya.

Malaysia mempunyai warisan budaya yang terkaya dalam beberapa bidang seni - Senitari, Senibina, Seniukir dan lain-lain lagi. Dalam bidang seni tampak pula, senilukis merupakan/melambangkan kemajuan negaradalam bentuk moden sebagai pernyataan jiwa masyarakat Malaysia. Dengan tertubuhnya Kajian Senilukis dan Senireka, cabang senilukis ini telah diperluaskan kepada beberapa bidangseni seperti Seni Grafik, Seni Perusahaan Tembikar, Seni Logam Halus, Seni Halus, Seni Perindustrian, Seni Fesyen, Seni Tekstil, Seni Foto dan Seni Muzik.

Seni ilustrasi untuk bahan bacaan merupakan suatu yang amat indah di mana ia merupakan cabang kepada Seni Grafik. Ilustrasi memainkan peranan yang penting khususnya pembacaan kanak-kanak. Ilustrasi bukan sahaja menjadi daya penarik bagi sesebuah buku itu malah berfungsi sebagai memberi penerangan lanjut kepada teks. Dalam dekad perkembangan media masa kini, pengawasan adalah perlu kerana kanak-kanak mula berjinak dengan buku ketika berusia tiga tahun. Masa inilah rasa 'ingin tahu' menyubur walaupun kata bertulis belum mereka kenal tetapi mereka tetap 'membaca'. Ini merupakan saat penting kerana apa yang diberikan kepada mereka ketika ini akan

mencorak perkembangan pemikiran serta pembentukan watak sepanjang hayat. Jesteru itu inilah fungsi ilustrasi di mana kalau dari awal kanak-kanak ini di biasakan dengan buku-buku yang berilustrasi yang bermutu, tabiat gemar membaca akan kekal sampai bila-bila.

Dari hasil kajian yang telah dilakukan untuk bidang ilustrasi ini di mana tajuk tesis saya "Fungsi Ilustrasi Dalam Membentuk Perkembangan Mental Kanak-Kanak Melalui Bahan Bacaan", maka disini saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih di atas segala kerjasama dan sokongan dari Pensyarah-pensyarah Liberal dan Jabatan, dan juga rakan-rakan yang sedia membantu dalam menjayakan penyelidikan ini. Adalah diharapkan dengan terlaksananya kajian terhadap bidang ini akan memberi pengetahuan yang lebih mendalam kepada pembaca untuk menilai betapa besarnya peranan ilustrasi kepada kanak-kanak khususnya . Sekian terima kasih.

PENGENALAN

Kaedah pembacaan seringkali dikaitkan dengan guru-guru di sekolah, seolah-olah tanggungjawab mendidik anak-anak adalah bebanan satu pihak sahaja sedangkan penjaga dan ibubapa jarang disebut. Dalam hal ini, untuk memupuk minat membaca di kalangan kanak-kanak, apa yang lebih penting ialah 'rupa' sastera kanak-kanak itu sendiri. Kejayaan sesebuah buku itu terletak bukan sahaja pada mutu atau nilainya malah termasuklah juga daya penarik. Secara terus terangnya di sinilah pentingnya gambaran penerangan atau juga ilustrasi.

Seni ilustrasi merupakan suatu yang bernilai kerana ianya bukan sahaja menjadi satu bentuk hiasan untuk kesedapan mata memandang tetapi juga berfungsi sebagai alat komunikasi untuk membantu kanak-kanak memahami cerita teks dengan lebih jelas. Walaupun penggunaan ilustrasi di dalam bahan bacaan kanak-kanak adalah luas namun apa yang ditekankan di sini adalah kepada ilustrasi dalam bahan bacaan yang berbentuk memberi pendidikan dan pembelajaran samada secara langsung atau tidak langsung. Untuk mendidik atau membentuk anak-anak melalui pembelajaran pembacaan, tidak perlu menunggu anak-anak menjejak tangga sekolah untuk memupuk kecederasan pemikiran kerana yang penting ialah pendedahan terkawal terhadap ciri-ciri pendidikan yang sihat atau dengan ertikata lain, tanggungjawab kita adalah menentukan bahawa kanak-kanak ini hanya terdedah kepada unsur-unsur 'bacaan' yang baik sahaja.